



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN BERSAMA

Tarikh Dibaca :

27 Jamadilakhir 1441H/

21 Februari 2020M

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN BERSAMA**

21 Februari 2020M/ 27 Jamadilakhir 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ، يُدْخِلْهُ نَارًا خَالِدًا فِيهَا وَلَهُ

عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿١٤﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan berusaha melakukan perkara-perkara yang diperintahkan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi golongan hamba yang bertakwa seterusnya berjaya serta selamat di dunia dan di akhirat.

Mimbar ingin mengalu-alukan kehadiran para jemaah semua untuk menunaikan solat Jumaat pada hari ini. Semoga ibadah kita akan diterima



oleh Allah SWT. Marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang membicarakan tajuk, “**Kemakmuran dan Kesejahteraan Bersama**”.

Sidang Jemaah yang dikasihi Allah,

Setiap individu mendambakan sebuah kehidupan yang aman, makmur dan sejahtera. Keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hanya dapat dicapai melalui sikap positif dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Namun, isu penyalahgunaan dadah menjadi salah satu punca utama berlakunya jenayah dan maksiat serta menjadi ancaman kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Setiap tahun, jumlah penagih dadah turut meningkat ke tahap yang amat membimbangkan. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD) yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengesahkan bahawa penyalahgunaan dadah masih lagi menjadi musuh nombor satu negara dengan kebanyakannya terdiri daripada bangsa Melayu beragama Islam. Kenyataan ini berdasarkan profil penagih dadah antara tahun 2014 hingga 2019 yang menunjukkan bahawa seramai 128,261 orang penagih telah dikesan bagi tempoh 6 tahun. Daripada jumlah tersebut seramai 103, 187 orang penagih adalah daripada kalangan orang Islam.

Saudara-saudaraku yang dikasihi Allah,

Persolannya? Mengapakah penyalahgunaan dadah masih lagi berlaku dalam kalangan masyarakat kita? Di antara faktor-faktor yang mendorong berlakunya gejala penyalahgunaan dadah ini adalah:

Pertama: Kurangnya didikan dan pendedahan khususnya oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka. Ada dalam kalangan ibu bapa menganggap bertanggungjawab pendidikan hanya terletak sepenuhnya di bahu para guru



di sekolah sahaja, lantas mereka tidak mengambil endah akan pendidikan anak-anak sepanjang berada di rumah.

Kedua: Pengaruh rakan. Rakan adalah individu penting dalam menentukan akhlak dan tingkahlaku anak-anak. Baik dan buruk akhlak mereka itu juga mampu menjadi cerminan akhlak anak-anak kita. Pepatah arab menyatakan “Bersahabat dengan penjual minyak wangi, kita akan menerima percikan wangiannya,” manakala bersahabat dengan tukang besi, percikan apinya akan mencarikkan baju kita.”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Sebagai khalifah Allah dimuka bumi ini, kita telah dipertanggungjawabkan untuk sama-sama membendung masalah ummah dengan apa cara sekalipun. Ingatlah, kita akan dipersoalkan di akhirat kelak dengan apa yang telah kita lakukan. Melihat kepada permasalahan dadah yang melanda generasi muda masa kini, kita tidak seharusnya duduk bergoyang kaki bersenang lenang kerana mereka inilah penggerak masa depan dan penentu kemajuan negara.

Tanggungjawab untuk menyelesaikan isu penyalahgunaan dadah harus diberi keutamaan. Antara jalan penyelesaiannya adalah melalui pendidikan. Masyarakat harus diberikan didikan sesempurna mungkin, khususnya didikan agama, seawal usia kanak-kanak lagi. Kita perlu mewujudkan suasana kekeluargaan yang harmoni, mendidik dengan disiplin, mengawasi gerak geri anak-anak, bekerjasama dengan pihak sekolah, membelai anak-anak dengan sentuhan dan kata-kata mesra, memberi penghargaan, perhatian dan dorongan, serta meluangkan masa untuk menjalankan aktiviti bersama-sama mereka. Janganlah mengambil jalan mudah dan membiarkan



anak-anak tanpa pimpinan dan perhatian yang sewajarnya. Jalankanlah peranan sebagai ibu bapa dengan mendidik dan menasihati mereka.

Seterusnya penyelesaian dengan penguatkuasaan yang berterusan. Masyarakat yakin dan percaya kepada undang-undang dan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia. Justeru, pihak kerajaan dan anggota masyarakat juga perlu berganding bahu bagi membanteras penyalahgunaan dadah. Anggota masyarakat yang mengetahui tentang kegiatan-kegiatan yang mencurigakan perlu melaporkannya kepada pihak yang berkuasa dengan segera.

Dalam, pada itu, sentiasalah memberi teguran dan peringatan sesama ahli komuniti. Ubahlah persepsi kita terhadap mereka yang mula berubah ke arah yang lebih baik. Mereka amat memerlukan rawatan dan sokongan moral daripada masyarakat agar tidak kembali ke kancah penyalahgunaan dadah ini. Dengan cara ini, aspek maqasid syariah dalam memelihara nyawa, harta dan akal dapat dilaksanakan dengan berhikmah dan sempurna.

Sidang Jemaah yang dikasihi Allah,

Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa mempamerkan keindahan Islam dengan berakhlak mulia kerana ia merupakan tuntutan agama. Setiap umat Islam wajib memartabatkan Islam sebagai sesuatu cara hidup. Marilah kita menjadikan Rasulullah SAW sebagai model dan ikutan terunggul sepanjang zaman. Tidak ada jalan mudah untuk menjadi seorang muslim yang sebenar melainkan dengan mengikuti contoh baginda SAW. Ingatlah akhlak terpuji yang berlandaskan takwa adalah teras dalam pembangunan modal insan dan ia menjadi kunci kepada kejayaan dan kemakmuran masyarakat dan negara. Justeru, jagalah akhlak kita agar sentiasa indah bersinar dengan



sifat-sifat mahmudah serta dijauhi daripada sifat-sifat mazmumah terutamanya gejala penyalahgunaan dadah yang mengundang kepada perbuatan dosa dan maksiat yang membimbangkan. Imam al-Tirmidzi meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَكْبَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنَهُمْ خُلُقًا

Bermaksud: “Orang-orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlakunya.”

Berdasarkan hadis ini, dapat difahami bahawa orang yang sempurna imannya pasti berakhlak mulia dan mengamalkan sifat mahmudah. Sifat mahmudah akan menyucikan jiwanya daripada sifat mazmumah yang keji dan hina. Sifat mahmudah mengajak kepada kebaikan manakala sifat mazmumah pula adalah racun yang mampu merosakkan kehidupan insan.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita renungi dan hayati tiga perkara berikut sebagai panduan dan pedoman bersama:

Pertama: Penerapan dan pengukuhan nilai hidup dan kefahaman agama harus diterapkan sejak dari kecil dan berterusan.

Kedua: Jalankanlah peranan dan tanggungjawab kita sebagai ketua keluarga bagi memastikan tiada ahli keluarga kita yang terjebak dalam penyalahgunaan dadah.



Ketiga: Didikan agama yang mantap adalah mekanisma terbaik untuk membentengi diri dari terjebak dengan najis dadah.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim, ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ
شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Bermaksud : “Wahai Orang Yang Beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawa oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوِي يَغْ مَهَا مُولِيَا
سري فِدوك بَكِيندَا يَغْ دَفَرَتَوَانِ اَكُوغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ المُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوِي يَغْ مَهَا مُولِيَا سري فِدوك بَكِيندَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ ،
تُونُكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةُ أَمِينَةَ مِيمُونَةَ إِسْكَندَرِيَّةَ بِنْتِ المَرْحُومِ المُتَوَكَّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ المُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ المُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ المُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.